

3756/1
PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT
JULAI 2026

NAMA :

KELAS :



**MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026**

**PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 1
Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu jawapan sahaja**. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak dan **3** halaman tidak bercetak.

1 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?

- A Konsep perakaunan
- B Kitaran perakaunan
- C Proses perakaunan
- D Sistem perakaunan

2 Luca Pacioli diberikan gelaran 'Bapa Perakaunan' kerana beliau telah

- A Mencipta kaedah Venice
- B Memulakan Sistem Catatan Inventori
- C Menerbitkan pelbagai karya perakaunan
- D Memperkenalkan Sistem Catatan Bergu bertulis

3 Urus niaga berikut berkaitan dengan Perniagaan Ilham Jaya.

Perniagaan Ilham Jaya menggunakan kaedah baki berkurangan dalam pengiraan susut nilai kenderaan setiap tahun.

Apakah andaian atau prinsip perakaunan yang digunakan?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Tempoh perakaunan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

4 Antara yang berikut, yang manakah ciri tepat bagi Syarikat Permai Berhad?

- A Liabiliti tidak terhad
- B Untung rugi dikongsi antara pemilik
- C Diuruskan oleh Ahli Lembaga Pengarah
- D Modal disumbangkan oleh pemilik perniagaan

5 Item yang manakah merupakan belanja bukan operasi bagi sebuah kedai jahit?

- A Insurans
- B Sewa kedai
- C Belian alatan jahitan
- D Rugi pelupusan mesin jahit

6 Pada 15 April 2026, Encik Fairuz telah mengeluarkan tunai di bank RM7 000 untuk kegunaan perniagaan.

Apakah kesan urus niaga ke atas persamaan perakaunan?

- A Bank bertambah, Tunai berkurang
- B Tunai bertambah, Bank berkurang
- C Modal bertambah, Bank berkurang
- D Tunai bertambah, Modal berkurang





- 7 Kedai Sukan Harmoni mempunyai carta akaun seperti berikut:

Kod Item	Nama Akaun
1000 - 1999	Hasil
2000 - 2999	Belanja
3000 - 3999	Aset
4000 - 4999	Liabiliti
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik
6000 - 6999	Catatan Kontra

Apakah kod item yang sesuai bagi akaun derma?

- A 1404
B 2404
C 3404
D 4404
- 8 Urus niaga berikut diambil daripada Butik Chanteq.

Menghantar dokumen kepada pelanggan untuk caj pengangkutan sebanyak RM250

Apakah dokumen tersebut?

- A Resit
B Invois
C Nota Debit
D Baucar Pembayaran
- 9 Urus niaga manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Khas?
- A Ambilan barang niaga untuk promosi
B Jualan aset bukan semasa secara kredit
C Pulangan barang niaga kepada pembekal
D Membawa perabot untuk kegunaan perniagaan
- 10 Jurnal Am berikut diperoleh daripada Cafe Tasneem.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2026 Mac 31	Inventori Akaun Perdagangan	3 450	3 450

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
B Catatan penutupan
C Catatan pembukaan
D Catatan modal tambahan

- 11 Pilih urus niaga yang direkod di sebelah debit Buku Tunai.

- I Menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar
- II Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima
- III Membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan
- IV Mengambil wang perniagaan untuk kegunaan peribadi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 12 Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Tunai Runcit Kedai Perabot Amna pada 31 Ogos 2025.

Baki 1 Ogos 2025	RM 65
Penerimaan daripada ketua juruwang	185
Jumlah pembayaran	160

Berapakah nilai panjar runcit yang diperuntukkan pada setiap awal bulan?

- A RM65
- B RM90
- C RM185
- D RM250

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian lejar.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Nyata	Akaun Nominal
B	Akaun Nominal	Akaun Nyata
C	Lejar Subsidiari	Lejar Am
D	Lejar Am	Lejar Subsidiari

- 14 Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Kasut Wardhiah pada 10 Mei 2025.

Pemilik menggunakan wang peribadi untuk membayar sewa kedainya.

Catatan bergu manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Tunai
B	Ambilan	Sewa
C	Sewa	Modal
D	Pinjaman	Sewa

- 15 Maklumat berikut dipetik daripada Buku Perniagaan Anis pada 30 Jun 2025.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
	RM		RM
P	10 400	Baki b/b	6 800
Kontra	640	Belian	25 000
Baki h/b	20 760		
	<u>31 800</u>		<u>31 800</u>
		Baki b/b	20 760

Apakah **P**?

- A Faedah
 - B Diskaun diberi
 - C Pulangan keluar
 - D Angkutan masuk
- 16 Akaun manakah yang disenaraikan dalam ruangan kredit Imbangan Duga?
- A Faedah simpanan tetap
 - B Faedah pinjaman
 - C Angkutan keluar
 - D Simpanan tetap

- 17 Faqih Enterprise mempunyai 4 jenis barang niaga yang belum dijual pada 30 April 2025. Maklumat nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga adalah seperti berikut :

Barang	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
P	200	177
Q	700	2 000
R	720	120
S	162	241

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM 1 159
- B RM 1 782
- C RM 2 538
- D RM 3 161

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada Farmasi Adam pada 30 Jun 2025.

	RM
Inventori awal	4 000
Belian	28 200
Pulangan masuk	720
Pulangan keluar	580
Angkutan masuk	450

Berapakah jumlah kos belian?

- A RM27 930
- B RM28 070
- C RM29 230
- D RM32 070

- 19 Butir manakah yang akan diambil kira semasa menghitung modal kerja?

- A Perabot
- B Hutang lapuk
- C Komisen diterima
- D Akaun Belum Bayar

- 20 Pilih tatacara penutupan akaun yang betul.

- I Belian dipindahkan ke Akaun Perdagangan
- II Komisen dipindahkan ke Akaun Untung Rugi
- III Inventori dipindahkan ke Akaun Untung Rugi
- IV Hutang lapuk dipindahkan ke Akaun Perdagangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Najmin yang tidak mengamalkan rekod yang lengkap.

	<u>1 September 2024</u>	<u>31 Ogos 2025</u>
	RM	RM
Sewa prabayar	450	900

<u>Buku Tunai</u>		
RM		RM
	Sewa	4 050

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM2 700
 - B RM3 600
 - C RM4 500
 - D RM5 400
- 22 Berikut ialah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Ameer Maju :

<u>Imbangan Duga pada 31 Disember 2025</u>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Perabot	7 000	
Susut Nilai Berkumpul Perabot		2 520

Perabot disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 31 Disember 2025, perabot tersebut telah dijual dengan harga RM3 000.

Berapakah untung atau rugi pelupusan perabot tersebut?

- A Untung pelupusan perabot RM584
- B Untung pelupusan perabot RM1 480
- C Rugi pelupusan perabot RM584
- D Rugi pelupusan perabot RM1 480

23 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Marissa Berhad pada 30 September 2025.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	197 200	
Peruntukan hutang ragu		4 500

Syarikat telah mengamalkan polisi peruntukan hutang ragu yang diselaraskan pada kadar 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

Akaun Peruntukan Hutang Ragu manakah yang direkod dengan betul?

A Akaun Peruntukan Hutang Ragu

2025	RM	2025	RM
Sept 30 Baki h/b	8 444	Sept 30 Baki b/b	4 500
		Hutang Ragu	3 944
	<u>8 444</u>		<u>8 444</u>
		Okt 1 Baki b/b	8 444

B Akaun Peruntukan Hutang Ragu

2025	RM	2025	RM
Sept 30 Hutang Ragu	556	Sept 30 Baki b/b	4 500
baki h/b	3 944		
	<u>4 500</u>		<u>4 500</u>
		Okt 1 Baki b/b	3 944

C Akaun Peruntukan Hutang Ragu

2025	RM	2025	RM
Sept 30 baki h/b	8 354	Sept 30 Baki b/b	4 500
		Hutang Ragu	3 854
	<u>8 354</u>		<u>8 354</u>
		Okt 1 Baki b/b	8 354

D Akaun Peruntukan Hutang Ragu

2025	RM	2025	RM
Sept 30 Hutang Ragu	646	Sept 30 Baki b/b	4 500
baki h/b	3 854		
	<u>4 500</u>		<u>4 500</u>
		Okt 1 Baki b/b	3 854

- 24 Kesilapan berikut telah berlaku di Kedai Afiq.

Belian daripada Encik Faizal sebanyak RM5 000 telah direkodkan ke dalam Akaun Encik Faizul.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan ketinggalan
- 25 Antara yang berikut, manakah yang merupakan Nisbah Keberuntungan?
- A Nisbah semasa
 - B Nisbah ujian asid
 - C Margin untung kasar
 - D Kadar pusing ganti inventori
- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Jauhari Trading yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	RM
Modal pada 1 September 2024	70 000
Modal tambahan	10 000
Modal pada 31 Ogos 2025	93 300

Hitung untung bersih perniagaan sekiranya pemilik membuat ambilan peribadi sebanyak RM400 sebulan.

- A RM8 500
 - B RM12 900
 - C RM13 700
 - D RM18 100
- 27 Maklumat berikut diambil daripada buku Syarikat Delima Merah.

	1 April 2025 RM	31 Mac 2026 RM
Akaun Belum Terima	2 550	1 900

Buku Tunai

	RM
Jualan	600
Akaun Belum Terima	2 000

Hitung jualan kredit.

- A RM750
- B RM1 350
- C RM2 650
- D RM3 250

- 28 Berikut adalah kaedah kawalan tunai.

Kaedah Kawalan Tunai	Keterangan
M	Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai
N	Penyelarasan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank

Apakah M dan N?

	M	N
A	Buku Tunai	Penyata Akaun
B	Penyata Akaun	Buku Tunai
C	Belanjawan Tunai	Penyata Penyesuaian Bank
D	Penyata Penyesuaian Bank	Belanjawan Tunai

- 29 Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Syarikat Cumi Sdn. Bhd.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2025		
	RM	RM
Baki kredit di Buku Tunai		(700)
Cek belum dikemukakan:		
Belian	3 500	
Sewa	1 050	4 550
Deposit belum dikreditkan		
Yuni Enterprise	2 450	
Shima	70	2 520
P		Q

Apakah P dan Q

	P	Q
A	Baki kredit di Penyata Bank	RM1 330
B	Baki kredit di Penyata Bank	RM2 730
C	Baki debit di Penyata Bank	RM1 330
D	Baki debit di Penyata Bank	RM2 730

- 30 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Kilauan Emas.

- Jumlah jualan RM20 000 pada bulan Januari.
- Jualan dijangka meningkat 10% pada bulan berikutnya.
- 40% daripada jualan merupakan jualan kredit dengan tempoh kredit 30 hari

Berapakah jumlah penerimaan tunai pada bulan Februari?

- A RM12 000
B RM20 800
C RM21 200
D RM22 000

- 31 Suhana dan Maria pemilik Perkongsian Suria tidak menandatangani Ikatan Perkongsian. Antara berikut, manakah yang benar?
- A Gaji dibayar kepada pekongsi
 - B Faedah 10% dibayar atas modal pekongsi
 - C Faedah 8% dibayar atas pinjaman pekongsi
 - D Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal
- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Abi & Umi pada 31 Disember 2025.

Ikatan Perkongsian menetapkan gaji Umi RM8 000 setahun. Sepanjang tahun kewangan Umi telah menerima gaji sebanyak RM5 000.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Semasa Umi?

- A
- | | |
|------------------|-------|
| Akaun Semasa Umi | |
| Gaji | 5 000 |
- B
- | | |
|------------------|-------|
| Akaun Semasa Umi | |
| Bank | 5 000 |
- C
- | | |
|------------------|-------|
| Akaun Semasa Umi | |
| Bank | 3 000 |
- D
- | | |
|------------------|-------|
| Akaun Semasa Umi | |
| Gaji | 3 000 |

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Fira.

	RM
Jumlah aset (kecuali bank)	58 320
Jumlah liabiliti	3 440
Belanja realisasi	800

Semasa pembubaran, semua aset direalis sebanyak RM51 500.
Berapakah jumlah rugi realisasi?

- A RM4 180
- B RM6 020
- C RM7 180
- D RM7 620

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan ekuiti pemilik Qyra Berhad pada 30 Jun 2026.

	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
800 000 unit 8% P	1 600 000
1 000 000 unit Q	1 500 000

Apakah P?

- A Syer biasa
 - B Terbitan hak
 - C Syer keutamaan
 - D Terbitan bonus syer
- 35 Rembo Berhad memiliki syer seperti berikut:

100 000 unit 10% syer keutamaan RM2.00 sesyer
200 000 unit syer biasa, RM1.00 sesyer

Pada tahun 2025, syarikat telah membuat agihan dividen seperti berikut:

Agihan Keuntungan	
Syer keutamaan RM20 000	Syer biasa RM30 000

Berapakah kadar dividen syer biasa yang diperuntukkan?

- A 10%
 - B 15%
 - C 20%
 - D 30%
- 36 Apakah penyata kewangan yang disediakan oleh sesebuah kelab dan persatuan?

- A Akaun Realisasi
- B Akaun Untung Rugi
- C Akaun Pengasingan Untung Rugi
- D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

- 37 Manakah perbelanjaan modal bagi sesebuah kelab dan persatuan?

- A Derma
- B Kos ubahsuai premis kelab
- C Surat khabar dan majalah kelab
- D Elaun kehormat bendahari kelab

- 38 Kilang IT Electronics membayar gaji penyelia kilang sebanyak RM3 800 sebulan. Apakah komponen perbelanjaan tersebut dalam kos pengeluaran?

- A Kos prima
- B Kos overhead
- C Kos berubah
- D Kos buruh langsung

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Biskut Yummy.

**Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir
30 Jun 2025**

	RM
Kos M	35 000
Kos N	23 700
Kos Prima	58 700

Apakah M dan N?

	Kos M	Kos N
A	Bahan langsung	Overhed
B	Buruh langsung	Overhed
C	Bahan langsung	Buruh langsung
D	Overhed	Belanja langsung

- 40 Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran "Kerepek Bayam Crispy" oleh Perusahaan Kerepek Nekma.

	RM
Kos tetap	3 000
Margin caruman seunit	5.00
Harga jualan seunit	9.00

Berapakah bilangan "Kerepek Bayam Crispy" yang perlu dikeluarkan jika sasaran keuntungan ialah RM2 000?

- A 600 unit
- B 750 unit
- C 1 000 unit
- D 1 250 unit

KERTAS SOALAN TAMAT